

Disediakan untuk: _____ Tarikh Cetakan: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan Polisi Insurans Allianz Motorcyclist PA. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

Penyedia Khidmat Kewangan : Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad ("Allianz"/"Kami")
Nama Produk : Allianz Motorcyclist PA

1. **Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?**

Produk ini menyediakan perlindungan dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia untuk Orang Yang Diinsuranskan.

2. **Apakah perlindungan/faedah-faedah yang disediakan?**

Polisi ini melindungi:

Faedah-Faedah	Jumlah Yang Diinsuranskan (RM)				
	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
Kematian akibat kemalangan	5,000	7,000	10,000	15,000	20,000
Hilang upaya kekal keseluruhan	5,000	7,000	10,000	15,000	20,000
Lumpuh sepenuhnya atau terlantar kekal	5,000	7,000	10,000	15,000	20,000
Hilang satu tangan atau kedua-dua tangan	5,000	7,000	10,000	15,000	20,000
Hilang satu kaki atau kedua-dua kaki	5,000	7,000	10,000	15,000	20,000
Hilang sebelah atau kedua belah mata	5,000	7,000	10,000	15,000	20,000
Elaun kematian	500	500	500	500	500

Agregat semua peratusan yang dibayar bagi mana-mana kemalangan hendaklah tidak melebihi 100%. Sekiranya 100% telah dibayar semasa Tempoh Insurans, polisi ini akan terhenti dengan serta-merta. Jika pampasan kurang daripada 100% telah dibayar, kadar perlindungan akan dikurangkan mengikut amaun tersebut bermula dari tarikh kemalangan hingga tamat tempoh Polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun.

Nota: Sila rujuk kepada ciri dan faedah penuh dan skala faedah-faedah dalam kontrak polisi.

3. **Berapakah premium yang perlu saya bayar?**

	Pelan A	Pelan B	Pelan C	Pelan D	Pelan E
Premium Tahunan (RM) (Termasuk 6% ST)	15.90	26.50	37.10	51.94	65.72

4. **Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

Jenis	Amaun
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	25% daripada premium
Duti Setem	RM10

5. **Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?**

(a) Kepentingan pendedahan

- **Kontrak Insurans Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini sepenuhnya bagi **tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajipan mengambil penjagaan munasabah supaya tidak membuat salah nyataan semasa menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dan/atau semua soalan-soalan yang dikehendaki oleh Allianz dengan penuh dan tepat dan mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai, jika

sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi **tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda mempunyai kewajiban untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. Anda juga mempunyai kewajiban memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.

- (b) Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- (c) Kelayakan – Orang Yang Diinsuranskan berumur di antara enam belas (16) tahun sehingga enam puluh lima (65) tahun.

6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

Penyakit Sedia Ada; sebarang bentuk penyakit, jangkitan atau parasit, Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Kompleks Berkaitan dengan AIDS (ARC) atau Virus Kurang Daya Ketahanan Penyakit (HIV); kelahiran, keguguran, kehamilan atau sebarang kerumitan yang timbul daripadanya; kecederaan atau kematian disebabkan ketika motosikal digunakan untuk disewa, sebarang jenis perlumbaan, lumba, pembuatan kelajuan, ujian kelajuan atau ujian ketahanan; ketaksiuman, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman), mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan untuk melakukannya; pengionan, sinaran atau pencemaran radioaktif, bahan senjata-senjata nuklear; pembunuhan atau serangan akibat kemarahan; menunggang di bawah pengaruh alkohol dan/atau dadah; menunggang tanpa mempunyai lesen memandu dan/atau cukai jalan yang sah di bawah peraturan-peraturan undang-undang; perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, perseteruan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, dahagi atau perebutan kuasa, rusuhan, pemberontakan oleh tentera atau pihak awam; ketika melakukan atau cuba melakukan sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang dan haram; ketika menyertai sebarang sukan profesional.

Nota: Ini merupakan senarai yang tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada Allianz. Pembatalan akan berkuatkuasa pada tarikh notis itu diterima atau pada tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut mengikut mana yang terkemudian. Bayaran balik premium, walau bagaimanapun, adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam polisi.



8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada pihak kami tentang sebarang perubahan dalam alamat dan butiran peribadi anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memberitahu ejen berdaftar, cawangan atau khidmat pelanggan kami.

9. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada risalah *insuranceinfo* mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan senaskhah salinan daripada ejen insurans atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Pusat Hubungan Allianz: 1 300 22 5542
Emel: customer.service@allianz.com.my
  AllianzMalaysia
 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang boleh didapati:
Tidak Berkenaan

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBERI PERHATIAN MENGENAI SKALA FAEDAH-FAEDAH UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA MESTI MENAMAKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG POLISI KEMALANGAN DIRI YANG TELAH ANDA BELI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula 01/04/2020.